

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR
SESI II: 2022/2023**

SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN

**SMP 20083
TIPOGRAFI PENGIKLANAN**

Dua (2) Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Soalan ini merupakan soalan amali terbuka.
4. Pelajar perlu menandatangani Borang Penerimaan Soalan dan Rubrik.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

AMALI
[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

Tipografi merupakan salah satu elemen komunikasi selain visual atau gambar. Komunikasi visual menjadi lebih berkesan apabila pereka iklan memilih tipografi yang jelas dan mudah dibaca. Seni tipografi berperanan di dalam menyatakan atau meluahkan emosi dan psikologinya secara visual yang boleh dipaparkan di dalam sesuatu pengiklanan.

CLO 3

Tipografi kreatif (difahami sebagai metafora visual, teks bukan sahaja mempunyai fungsi linguistik tetapi juga akan diwakili secara grafik seolah-olah ia adalah sebuah imej).

Anda merupakan pereka grafik bagi sebuah syarikat penerbitan majalah hiburan wanita di Malaysia, anda telah ditugaskan untuk menghasilkan cadangan reka bentuk muka hadapan majalah menggunakan tipografi kreatif supaya dapat menarik perhatian pembeli dan pembaca. Maklumat mengenai majalah hiburan wanita tersebut adalah seperti berikut:

1. Tajuk Majalah: Wanita Kontemporari
2. Ringkasan: Majalah hiburan ini menampilkan kejayaan-kejayaan wanita moden di Malaysia pada era ini. Warna tema adalah warna merah jambu.

Cadangan rekabentuk muka hadapan majalah hiburan wanita tersebut hendaklah dihasilkan mengikut kriteria berikut :

- i. Saiz artboard/kertas : A4 Potret
- ii. Gunakan Perisian Grafik
- iii. Mengikut warna yang ditetapkan
- iv. Elemen visual yang bersesuaian dengan rekabentuk muka hadapan majalah perlu dimasukkan sebagai elemen sokongan.

Hasil rekabentuk hendaklah dihantar dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*. Kriteria yang perlu dipenuhi bagi penilaian ini ialah :

a. Konsep rekabentuk

- i. Nyatakan konsep reka bentuk grafik tajuk majalah hiburan wanita yang akan anda hasilkan menggunakan elemen tipografi dengan tepat dan bersesuaian tema yang ditetapkan.

(5 markah)

- ii. Kenalpasti TIGA (3) contoh reka bentuk muka hadapan majalah hiburan wanita di pasaran yang mempamerkan manipulasi elemen tipografi yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan reka bentuk.

(5 markah)

b. Rekaletak tipografi kreatif

- i. Hasilkan reka bentuk muka hadapan majalah hiburan wanita tersebut yang merangkumi **elemen dan prinsip reka bentuk bersesuaian** dan bertepatan dengan konsep yang telah dinyatakan pada komponen (a) di atas.

(25 markah)

- ii. Reka bentuk muka hadapan majalah hiburan wanita tersebut secara keseluruhannya mestilah memiliki **reka letak tipografi kreatif** dengan penggunaan warna yang sangat menarik dan rekabentuk tipografi yang unik dan bersesuaian dengan konsep.

(45 markah)

c. Kandungan rekabentuk mestilah unik dan kreatif berserta penerapan konsep yang jelas.

(10 markah)

- d. Hasil rekabentuk hendaklah dicetak dengan kemasan akhir di atas *mounting board*. *Softcopy* format JPEG juga perlu dihantar ke link Google Drive yang akan diberikan oleh pensyarah.

(10 markah)

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab